

**Fahami Perjuangan Umno Di Sabah Untuk Raih Sokongan, Kata Khairy  
Bernama  
7 Sept, 2013**

KOTA BELUD, 7 Sept (Bernama) -- Anggota Pemuda Umno, khususnya dari Semenanjung Tanah Melayu, yang berhasrat merebut jawatan dalam pergerakan itu pada pemilihan parti tidak lama lagi perlu memahami perjuangan Pemuda Umno di Sabah jika ingin meraih sokongan mereka.

Ketua Pemuda Umno pusat Khairy Jamaluddin berkata anggota pergerakan harus mengetahui dan prihatin dengan keperluan dan kemahuan rakyat di semua peringkat bagi membolehkan memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Jangan datang semata-mata untuk melobi (sokongan) sahaja. Fahami perjuangan di Sabah dulu," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Pemuda Umno Sabah di sini malam tadi.

Pemilihan jawatan tertinggi sayap Wanita, Pemuda dan Puteri Umno akan diadakan pada 28 Sept ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975897>